



## PRESS RELEASE COMPETITION COMMISSION BRUNEI DARUSSALAM

### Professionals in Construction Industry Briefed on the Competition Act

---

Date: 12 March 2023

1. Over 40 professional surveyors, engineers and architects, which among others consist of members of the Brunei Institution of Surveyors, Engineers and Architects (PUJA) Brunei, attended an advocacy session entitled Competition Act: Deterring Bid Rigging, last Saturday. The session was delivered by the Competition Commission Brunei Darussalam (CCBD) through its Executive Secretariat and was organised by the PUJA Academy Sdn Bhd to further promote the understanding of the Competition Act, Chapter 253, particularly on one of the key prohibitions under the Act, namely bid rigging. The session was conducted at the Atria Simpur Hall, Public Works Department Headquarters.
  
2. The Executive Secretariat of CCBD began the first part of the session by the explanation of the three key prohibitions under the Act, Section 11: Anti-Competitive Agreements, Section 21: Abuse of Dominant Power, and Section 23: Anti-Competitive Mergers. The session focused on Section 11: Anti-Competitive Agreements or also known as cartels, being the current key prohibition that is enforced under the Act beginning 1 January 2020. Anti-competitive agreements, among others, consist of four types of agreements that are considered as hardcore cartels, which are price fixing, market sharing, supply limitation and bid rigging.

3. The session then continued with a detailed explanation on bid rigging and its harmful effects to not only businesses and consumers, but also country's economy and government expenditure. Bid rigging refers to collusion between bidders or potential bidders to eliminate competition in the procurement process by agreeing on who should win the tender and at what price, resulting to increase in prices and lower quality of goods or services. Collusion in tenders not only distort the competitive bidding process to obtain best value for money of goods and services procured, it may also deprive genuine bidders from obtaining business opportunities. The arrangement among bidders or potential bidders to have a pre-determined bid winner can also disincentivise companies to do better, which then result to the preservation of inefficient companies and industries, and may later on create a unfavourable image of the industry and the industry players.
4. Further to this, the attendees were also provided with explanation on the different forms of bid rigging including (i) bid suppression where potential bidders refrain from participating in a tender to ensure the pre-determined winner can win the tender; (ii) complementary bidding where bidders deliberately submit high tender price to establish the notion that the pre-determined winner's price is competitive; (iii) bid rotation where bidders take turns to win tender; and (iv) subcontracting arrangement which was done in exchange with agreement to manipulate the tender.
5. The Executive Secretariat of CCBD highlighted on other main provisions of the law as well, including the Leniency Programme under Section 44. The Leniency Programme gives incentives for businesses that partake in a cartel activity to come forward to disclose information about the prohibited conducts and provide full cooperation to the CCBD, in exchange for up to a full immunity from the penalty. More information on the Competition Act and Leniency Programme can be accessed via the CCBD website at [www.ccbd.gov.bn](http://www.ccbd.gov.bn)

6. To end the session a question and answer session was held and interactive quizzes were also prepared by the Executive Secretariat of CCBD to further enhance the understanding and awareness of the Act. Also present during the session were the Chairperson of CCBD, Yang Mulia Nik Hafimi binti Abdul Haadii, as well as Head of the Executive Secretariat of CCBD, Yang Mulia Hajah Rena Azlina binti Dato Paduka Haji Abdul Aziz.
7. The CCBD welcomes any request for dialogue or briefing on the Competition Act, which can be directed to the Executive Secretariat of CCBD through email at [exec.secretariat@ccbd.gov.bn](mailto:exec.secretariat@ccbd.gov.bn). For further information, visit CCBD's website at [www.ccbd.gov.bn](http://www.ccbd.gov.bn) or contact 2383100.

\*\*\*\*\*

*Executive Secretariat of Competition Commission Brunei Darussalam  
Ministry of Finance and Economy*



## **SIARAN MEDIA**

### **SURUHANJAYA PERSAINGAN BRUNEI DARUSSALAM**

#### **Profesional dalam Industri Pembinaan Diberikan Penerangan Mengenai Akta Persaingan**

---

Tarikh: 12 Mac 2023

1. Lebih 40 juruukur, jurutera dan arkitek profesional, yang antara lain terdiri daripada ahli Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA) Brunei telah menghadiri sesi pemberigaan bertajuk Akta Persaingan: Mencegah Tipuan Bidaan, Sabtu lalu. Sesi pemberigaan telah disampaikan oleh Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam (CCBD) melalui Sekretariat Eksekutif CCBD dan dianjurkan oleh PUJA Academy Sdn Bhd untuk menggalakkan kefahaman tentang Akta Persaingan, Penggal 253, khususnya mengenai salah satu larangan utama di bawah Akta tersebut, iaitu tipuan bidaan. Sesi tersebut diadakan di Dewan Atria Simpur, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya.
  
2. Sekretariat Eksekutif CCBD memulakan bahagian pertama sesi pemberigaan dengan memberikan penjelasan mengenai tiga larangan utama di bawah Akta Persaingan, iaitu Bab 11: Perjanjian Anti-Persaingan, Bab 21: Penyalahgunaan Kuasa Dominan, dan Bab 23: Penggabungan Anti-Persaingan. Sesi memfokuskan kepada Bab 11: Perjanjian Anti-Persaingan atau juga dikenali sebagai kartel, yang merupakan larangan utama yang dikuatkuasakan di bawah Akta tersebut bermula 1 Januari 2020. Perjanjian Anti-Persaingan, antara lain, terdiri daripada empat jenis perjanjian, iaitu penetapan harga, perkongsian pasaran, pengehadan bekalan dan tipuan bidaan.

3. Sesi tersebut kemudiannya diteruskan dengan penerangan terperinci mengenai tipuan bidaan dan kesannya yang memudaratkan, bukan sahaja kepada peniaga dan pengguna, tetapi juga kepada ekonomi negara dan perbelanjaan kerajaan. Tipuan bidaan merujuk kepada pakatan sulit antara pembida atau bakal pembida untuk menyekat persaingan di dalam proses perolehan, dengan membuat persetujuan akan siapa yang patut memenangi tender beserta harganya, yang seterusnya akan mengakibatkan kenaikan harga serta kualiti barang atau perkhidmatan yang lebih rendah. Pakatan sulit dalam tender bukan sahaja menjelaskan proses pembidaan yang kompetitif untuk mendapatkan nilai terbaik bagi wang untuk barang dan perkhidmatan yang diperolehi, ia juga dapat menghalang pembida lain yang telah bersaing secara tulus daripada mendapatkan peluang perniagaan. Penetapan pemenang bidaan yang telah ditentukan di kalangan pembida atau pembida yang berpotensi juga boleh mematahkan semangat peniaga untuk melakukan yang lebih baik, yang mana kemudiannya akan mengakibatkan wujudnya peniaga dan industri yang tidak cekap, dan seterusnya boleh memberikan imej yang tidak memberangsangkan kepada industri.
4. Seterusnya, para hadirin juga diberikan penerangan mengenai beberapa bentuk tipuan bidaan termasuk (i) penindasan tawaran di mana pembida yang berpotensi mengelak daripada menyertai tender bagi memastikan pemenang yang telah ditetapkan boleh memenangi tender; (ii) pembidaan pelengkap di mana pembida dengan sengaja mengemukakan harga tender yang tinggi untuk mewujudkan tanggapan bahawa harga pemenang yang telah ditetapkan adalah kompetitif; (iii) penggiliran tawaran di mana pembida bergilir-gilir untuk memenangi tender; dan (iv) pengaturan subkontrak yang dilakukan sebagai pertukaran dengan persetujuan untuk memanipulasi tender.
5. Sekretariat Eksekutif CCBD juga menekankan mengenai peruntukan utama yang lain di bawah Akta Persaingan, termasuk Program Kelonggaran di bawah Bab 44. Program Kelonggaran memberi insentif kepada peniaga yang mengambil

bahagian dalam aktiviti kartel untuk tampil mendedahkan maklumat tentang kegiatan yang dilarang tersebut serta memberikan kerjasama penuh kepada CCBD, sebagai pertukaran dengan pengurangan penalti sehingga maksimum 100 peratus. Maklumat lanjut mengenai Akta Persaingan dan Program Kelonggaran boleh diakses melalui laman web CCBD di [www.ccbd.gov.bn](http://www.ccbd.gov.bn).

6. Bagi mengakhiri sesi tersebut, sesi soal jawab telah diadakan dan kuiz-kuiz interaktif turut disediakan oleh Sekretariat Eksekutif CCBD bagi meningkatkan lagi kefahaman dan kesedaran mengenai Akta Persaingan. Turut hadir semasa sesi berkenaan adalah Pengerusi CCBD, Yang Mulia Nik Hafimi binti Abdul Haadii, serta Ketua Sekretariat Eksekutif CCBD, Yang Mulia Hajah Rena Azlina binti Dato Paduka Haji Abdul Aziz.
7. CCBD mengalu-alukan sebarang permintaan untuk dialog atau taklimat mengenai Akta Persaingan, yang boleh ditujukan kepada Sekretariat Eksekutif CCBD melalui e-mel di [exec.secretariat@ccbd.gov.bn](mailto:exec.secretariat@ccbd.gov.bn). Untuk maklumat lanjut, layari laman web CCBD di [www.ccbd.gov.bn](http://www.ccbd.gov.bn) atau hubungi 2383100.

\*\*\*\*\*

*Sekretariat Eksekutif Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi*